

29/08/2001

Pelajar Bumiputera pasti bangkit daripada leka

MERITOKRASI diyakini dapat meningkatkan semangat daya saing pelajar Melayu kerana mereka pasti sedar kejayaan yang dicapai adalah hasil kecemerlangan akademik, bukan kerana mereka Bumiputera.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Abdullah Abu Bakar, berkata jika pelaksanaan itu dijalankan secara menyeluruh, pelajar Bumiputera pasti akan bangkit daripada leka dan terlenu berikutan perhatian yang diberi kerajaan selama ini.

"Dengan pelaksanaan meritokrasi, MBM percaya ia akan berjaya melahirkan graduan universiti yang berjaya dan serba boleh dalam segala bidang, sama ada akademik, kurikulum dan kokurikulum.

"Mereka bukan saja dihargai di universiti, malah diterima dalam pasaran kerja. Dengan kata lain, sistem ini dapat melahirkan lebih ramai graduan Melayu bermutu dan berdaya saing berbanding sebelum ini," katanya.

Abdullah berkata, meritokrasi sepatutnya dilaksanakan secara menyeluruh dan meluas pada semua peringkat, bukan hanya di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), malah di peringkat persekolahan.

Katanya, jika meritokrasi berupaya dilaksanakan dengan sempurna, ia bukan saja mewujudkan kumpulan pelajar Melayu dari pelbagai peringkat pendidikan yang bermutu dan bersikap daya saing, malah mempunyai jati diri kental, bak kata pepatah mampu 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan bangsa lain. "Paling utama, mereka bukan saja dapat menerima persaingan dengan bangsa lain, malah akan berterima kasih kepada penggubal dasar, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengejutkan mereka daripada terlenu.

"Keputusan Dr Mahathir yang disokong Kabinet itu adalah sebagai panggilan amaran untuk mengejutkan pelajar Melayu bahawa selama ini mereka sudah terlalu leka dan dimanjakan hingga ketinggalan dalam semua bidang," katanya.

Abdullah berkata, sistem meritokrasi dapat memberi kesedaran kepada pelajar bahawa jika mereka terus leka dengan keselesaan yang ada pada hari ini, kemungkinan besar mereka akan gagal dan tidak bersedia menghadapi era globalisasi.

Selama ini, katanya, pelbagai gejala buruk melanda pelajar Melayu seperti leka, malas, ketinggalan dalam pelajaran dan terbabit kegiatan luar yang tiada kaitan dengan pendidikan seperti politik dan gerakan militan.

Itu adalah satu petanda bahawa pemikiran generasi muda kini sudah rosak, katanya.

Sikap leka itu, antaranya disebabkan mereka sudah terlalu manja kerana kesenangan yang diberi kerajaan sejak kecil hingga besar seperti sistem kuota, pinjaman khusus untuk Bumiputera dan skim biasiswa atau geran tertentu untuk mereka.

Di pasaran buruh hari ini, beliau berkata, memang wujud beberapa perbezaan di antara tenaga kerja Melayu dan bangsa lain.

Katanya, walaupun tidak semua orang Melayu bersikap negatif dan mempunyai tahap prestasi kerja rendah dan pergaulan kurang, tetapi hakikatnya, jumlah mereka yang ketinggalan itu adalah lebih tinggi berbanding bangsa lain.

Abdullah berkata, meritokrasi perlu dibahagikan kepada dua iaitu meritokrasi sesama kaum dan antara kaum.

"Meritokrasi sesama kaum membolehkan IPTA memilih dan menerima pelajar

Melayu yang terbaik saja daripada semua yang layak, manakala meritokrasi antara kaum pula dapat menajamkan semangat daya saing.

"Kesan akhirnya ialah semua rakyat termasuk Melayu, Cina dan India dapat sama-sama mengecapi kejayaan negara hasil kreativiti yang lahir daripada semangat daya saing mereka," katanya.

Abdullah berkata, kebaikan lain pula ialah meritokrasi meningkatkan semangat jati diri kerana mereka sedar kejayaan mereka disebabkan kehebatan mereka setanding bangsa lain, yang selama ini dikatakan lebih cerdik daripada Melayu.

"Oleh itu, MBM berpendapat meritokrasi adalah perlu kerana ia dapat membezakan mana satu pelajar Melayu yang benar-benar ingin belajar dengan pelajar yang bersikap malas dan hanya ingin mengambil kesempatan daripada peluang yang ada.

"Pelajar malas wajar disingkir daripada IPTA kerana sikap mereka yang tidak menumpu perhatian pada pelajaran akan menjejaskan dan menganiaya pelajar lain yang benar-benar ingin belajar.

"Kalau pelajar lemah, mereka masih boleh memperbaiki kelemahan itu dengan belajar bersungguh-sungguh tetapi jika malas, tiada ubat lain yang lebih mujarab, selain menyingkirkan mereka," katanya.

Abdullah berkata, disebabkan kekurangan dan sikap negatif ini, hasil kerja pelajar Melayu dengan pelajar bangsa lain dapat dibeza dan dikenal pasti dengan mudah.

Beliau yang juga bekas guru, berkata berdasarkan pengalaman, seseorang itu boleh mengenali dan mengesan perbezaan serta kefahaman intelektual seseorang murid Melayu dan bangsa lain daripada penilaian kertas jawapan peperiksaan mereka.

(END)